

P R E S S R E L E A S E S

Frequently-Asked-Questions on the Policy Framework for Consolidation of the Stockbroking Industry

Following the announcement on the policy framework for consolidation of the stockbroking industry on 21 April 2000, the Securities Commission (SC) is issuing responses to frequently-asked-questions (FAQs) on various aspects of the policy framework to facilitate better understanding among affected parties and the public in general. This will be done on a periodic basis.

- **The SC had, prior to the announcement, alluded that it wanted to see the consolidation of stockbroking companies take place within two to three years. Why then has the present timeframe been set?**

The aim is to see consolidated Universal Brokers fully in operation within two to three years. In order to realise this objective and bearing in mind the complexities of a merger arrangement, stockbroking companies must begin immediate preparations to consolidate. Stockbroking companies must speed up the process because even as the consolidation framework is being announced, other countries in the region are actively taking steps to strengthen and enhance competitiveness of their respective capital markets. Over the last few years, the government and the SC have reiterated and emphasised the need for industry consolidation. The issue has also been raised with stockbrokers at the various meetings and annual dialogue sessions that the SC has had with the industry. However, the broking industry has not responded with any significant efforts to consolidate so far.

- **The deadline for stockbrokers to meet the new requirements on ownership and corporate structures, and enter into firm merger agreements is 31 December 2000. What is the consequence to stockbrokers if they cannot meet this deadline?**

As stated in the earlier press statement, stockbrokers are required to enter into firm merger agreements and comply with the new rulings on ownership and corporate structures within the deadline of 31 December 2000, or at least show that contractual arrangements have been undertaken towards achieving these requirements by that date. Appeals to the SC for an extension of time by affected parties who are unable to meet the ownership and corporate structure requirements by 31 December 2000 will only be considered if there are strong and valid reasons. Stockbrokers that fail to enter into firm merger agreements by the deadline will not have their licences renewed. Meanwhile, the task force chaired by the Ministry of Finance and comprising representatives from the SC and the KLSE will continue to review and monitor the overall progress of the consolidation exercises and will determine measures to be taken to further expedite the process, if necessary.

- **Why has the SC adopted this approach to consolidate the stockbroking industry as opposed to allowing the process to be market driven?**

The SC, as stated earlier, has encouraged the consolidation exercise to be market-driven in the last couple of years. The government and the SC have continuously emphasised the need for industry consolidation. However, the stockbroking industry has generally failed to effect consolidation on a voluntary basis and has not heeded calls to merge. The government and the SC believe that the recently announced policy framework will effectively achieve the objectives of consolidating the stockbroking industry, which are to

P R E S S R E L E A S E S

strengthen the industry and prepare it to face future competitive challenges. In fact, the policy framework provides the general guidelines for consolidation that brokers themselves had requested for in the past.

- **How did the authorities arrive at 15 as a suitable number of stockbroking companies to have after the consolidation exercise?**

It is viewed that 15 stockbroking companies represent a suitable number of consolidated entities required to achieve an appropriate level of competition considering the size of our capital market, and take into consideration the degree to which mergers can be achieved, the level of capital required, the scope of intermediation services that are to be provided and the need to achieve effective consolidation.

- **By restricting the number of stockbroking companies to 15 Universal Brokers, does this mean that the remaining 48 (of 63) brokers will be shut down? Furthermore, with only 15 brokers, would it not be a burden to investors as they would have lesser access to stockbroking services?**

Firstly, the reduction of the number of stockbroking companies to 15 Universal Brokers does not in any way imply that there is to be 15 locations for stockbroking companies. It is expected that many of the existing locations will be converted into branches of the 15 Universal Brokers. In addition, Universal Brokers will, from 1 January 2002, be allowed to open additional branches throughout the country. This means that there will be more stockbroking outlets after 2001. As such, there will be no adverse impact on investors' accessibility to stockbroking services. On the contrary, it is expected that there would be greater access following the removal of branching restrictions. Furthermore, the concurrent reduction in commission rates will provide incentive for on-line broking activity to grow, which will offer an additional, more efficient means of access to Malaysian intermediation services.

- **What is the rationale for confining parties eligible to acquire an interest in another stockbroking company to existing stockbroking companies and controlling corporate shareholders of existing stockbroking companies?**

The objective of this is to promote consolidation by existing players within the stockbroking industry. This will ensure that, for the time being, consolidation is effected only by parties with relevant stockbroking experience and capabilities.

- **Will stockbroking companies which have already met the quantitative criteria of a minimum paid-up capital and core capital of RM250 million, a minimum CAR ratio of 1.5 times be exempted from the requirement to merge with at least three other stockbroking companies?**

The policy framework is aimed at achieving industry-wide consolidation and identifying a group of Universal Brokers. To become a Universal Broker, the entity is not only required to achieve a certain level of capital and prudential strength but also undertake consolidation. As such, no exemptions will be granted for the requirement to effect mergers (with at least three other existing brokers) notwithstanding the existing capital and prudential strength of any single stockbroking company.

P R E S S R E L E A S E S

- **Why has a decision been made to base the valuation of stockbroking companies involved in mergers on NTA? Furthermore, why has the maximum valuation been fixed at 1.5 times NTA rather than allowing the parties involved to decide?**

A valuation based on 1.5 times NTA is a fair basis given the fact that a consistent valuation will be used for all stockbroking companies participating in merger exercises under the framework. If a merger is to be effected via a share swap, the merger parties will be valued on a similar basis without undermining any particular party. What is important to bear in mind is that this is an exercise for consolidation and not one for some parties to cash-out. If certain owners of stockbroking companies want to cash out at a higher valuation, they can do so after the consolidation exercise.

- **Why are the valuations for stockbroking companies under the Danaharta Scheme differentiated from those of other stockbroking companies involved in consolidation exercises under the framework?**

The Danaharta scheme is based on a different mandate, that is, to revive distressed stockbroking companies and was initiated well before the consolidation framework was announced. The valuations of these distressed brokers are based on estimated realisable values and some considerations to pay off the creditors, pursuant to workout proposals prepared in accordance with Danaharta guidelines. Therefore, to enable the objectives of the scheme to be met, the original cost of acquisition incurred can be factored into the valuation of the acquiring stockbroking company for the purpose of any subsequent mergers under this framework. This would be fair to the acquiring stockbroking company. Otherwise, the cost of acquisition may be treated as an intangible asset in the book of the acquiring stockbroking company.

- **Would stockbroking companies that have completed mergers prior to the announcement of the policy framework on consolidation be accorded due recognition?**

The policies contained in the framework take effect from the date of the announcement on 21 April 2000 and will not be applied retrospectively. Stockbroking companies which have already effected mergers or are in the process of doing so can expect to enjoy similar benefits accorded to stockbroking companies involved in this framework, as long as the relevant criteria have been met. In this regard, written proposals should be submitted to the SC for consideration.

- **What has been the involvement of consultants in the development of this policy framework and the reduction in transaction costs?**

The SC has been working with consultants and various other subject matter experts in formulating recommendations relating to various areas of the capital market, including the stockbroking industry, as part of the ongoing work on the Capital Market Masterplan. However, final recommendations are subject to review and close consultation with the Ministry of Finance before they are taken up.

P R E S S R E L E A S E S

- **How does the policy framework on consolidation and the reduction in transaction costs fit in with the Capital Market Masterplan (CMP) which the SC is working on?**

The measures are part of the recommendations related to stockbroking companies within the CMP, which are aimed at, among other things, developing stronger, better capitalised stockbroking companies and the reduction of execution costs within the stockbroking industry. While a full set of recommendations for the capital market will be presented in the CMP, which is expected to be completed in the middle of this year, these proposals for the stockbroking industry have been announced early in order to allow participants sufficient time to be able to meet the timeframe which has been stipulated.

- **What are the available channels for stockbrokers to raise their concerns or seek clarification on the policy framework?**

The SC has asked the Association of Stockbroking Companies Malaysia (ASCM) to set up a special committee for the implementation of the consolidation policy. Stockbrokers may forward their concerns or seek clarification on the framework from the SC via this special committee.

SECURITIES COMMISSION, MALAYSIA
15 May 2000

P R E S S R E L E A S E S

Soalan-Soalan Lazim Rangka Kerja Polisi Penggabungan Industri Broker Saham

Berikutan pengumuman rangka kerja polisi penggabungan industri broker saham pada 21 April 2000, Suruhanjaya Sekuriti (SC) menerbitkan jawapan bagi soalan-soalan lazim (FAQs) mengenai berbagai aspek rangka kerja polisi tersebut bagi memberikan kefahaman yang jelas di kalangan pihak yang terlibat dan pihak awam secara umumnya. Ini akan dilakukan secara berkala.

- **Sebelum pengumuman tersebut, SC telah menyatakan bahawa ia ingin melihat penggabungan syarikat broker saham dijalankan dalam masa dua hingga tiga tahun. Mengapakah jangka waktu sedia ada telah ditetapkan?**

Tujuannya adalah untuk melihat penggabungan Broker Universal beroperasi sepenuhnya dalam masa dua hingga tiga tahun. Bagi mencapai objektif ini dan dengan mengambil kira kerumitan sesuatu proses penggabungan, syarikat broker saham mesti memulakan persediaan secepat mungkin untuk bergabung.

Syarikat broker saham mesti mempercepatkan proses tersebut kerana walaupun rangka kerja penggabungan itu telah diumumkan, negara lain di rantau ini secara aktif sedang mengambil langkah bagi memperkukuh dan mempertingkatkan persaingan pasaran modal masing-masing.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan dan SC telah menyatakan beberapa kali dan menekankan keperluan bagi penggabungan industri. Isu tersebut telah pun dibangkitkan di kalangan broker saham dalam berbagai sesi pertemuan dan dialog tahunan yang dikendalikan oleh SC dengan pihak industri. Walau bagaimanapun, industri broker saham tidak memberi respons dalam melakukan sesuatu yang penting dan bermakna bagi usaha penggabungan selama ini.

- **Tarikh akhir bagi para broker saham untuk memenuhi syarat-syarat baru mengenai pemilikan dan struktur korporat, dan mengadakan perjanjian penggabungan yang kukuh adalah 31 Disember 2000. Apakah akibatnya kepada broker saham sekiranya mereka tidak dapat mematuhi tarikh akhir ini?**

Sebagaimana yang dinyatakan dalam kenyataan akhbar sebelum ini, syarikat broker saham adalah dikehendaki mengadakan perjanjian penggabungan yang kukuh dan mematuhi peraturan yang baru berkenaan pemilikan dan struktur korporat sebelum tarikh akhir 31 Disember 2000, atau sekurang-kurangnya menunjukkan persediaan secara kontrak telah dijalankan ke arah memenuhi syarat-syarat tersebut sebelum tarikh itu. Rayuan kepada SC bagi sesuatu perlanjutan masa oleh pihak yang terlibat yang tidak dapat memenuhi syarat pemilikan dan struktur korporat sebelum 31 Disember 2000 akan hanya dipertimbangkan sekiranya terdapat alasan yang kukuh dan sah.

Syarikat broker saham yang gagal mengadakan perjanjian penggabungan yang kukuh sebelum tarikh akhir tersebut tidak akan diperbaharui lesen mereka.

P R E S S R E L E A S E S

Sementara itu, pasukan petugas yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan dan terdiri daripada wakil-wakil SC dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan terus mengkaji semula dan mengawasi kemajuan keseluruhan pelaksanaan penggabungan tersebut dan akan menentukan langkah-langkah yang akan diambil bagi terus mempercepatkan proses ini, sekiranya perlu.

- **Mengapakah SC menggunakan pendekatan ini bagi menggabung industri broker saham dan bukannya membenarkan proses tersebut ditentukan oleh pasaran?**

SC, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, telah menggalakkan pelaksanaan penggabungan ini ditentukan oleh pasaran dalam beberapa tahun yang lepas. Pihak kerajaan dan SC telah secara berterusan menekankan keperluan bagi penggabungan industri. Walau bagaimanapun, industri broker saham secara umumnya telah gagal untuk menjalankan penggabungan atas dasar sukarela dan tidak memperdulikan seruan untuk bergabung. Pihak kerajaan dan SC percaya bahawa rangka kerja polisi yang diumumkan akan berjaya mencapai secara berkesan objektif penggabungan industri broker saham, yang mana adalah untuk memperkukuhkan industri dan menyediakan industri untuk menghadapi cabaran persaingan akan datang. Sebenarnya, rangka kerja polisi tersebut menyediakan garis panduan yang umum bagi penggabungan di mana pihak broker saham sendiri telah memintanya pada masa lalu.

- **Bagaimanakah pihak berkuasa memutuskan jumlah 15 syarikat broker saham yang sesuai selepas pelaksanaan penggabungan tersebut?**

Adalah difahamkan bahawa 15 syarikat broker saham mewakili satu jumlah yang sesuai bagi entiti bergabung yang diperlukan bagi mencapai tahap persaingan yang sesuai dengan memberi pertimbangan kepada saiz modal kita, dan mengambil kira sejauh mana penggabungan yang boleh dicapai, tahap modal yang diperlukan, skop perkhidmatan perantara yang akan disediakan dan keperluan mencapai penggabungan yang berkesan.

- **Dengan menghadkan jumlah syarikat broker saham kepada 15 Broker Universal, adakah ini bermakna baki selebih sebanyak 48 buah syarikat broker (daripada 63) akan ditutup? Tambahan lagi, dengan hanya 15 buah syarikat broker, adakah ia menjadi satu kesulitan kepada para pelabur kerana mereka akan kekurangan akses kepada perkhidmatan broker saham?**

Pertamanya, pengurangan jumlah syarikat broker saham kepada 15 Broker Universal tidak sama sekali bermakna terdapat 15 lokasi bagi syarikat broker saham. Adalah diharapkan bahawa kebanyakan daripada lokasi yang sedia ada akan ditukarkan kepada cawangan bagi 15 Broker Universal tersebut.

Tambahan lagi, Broker Universal akan dibenarkan, bermula dari 1 Januari 2002, membuka cawangan tambahan di seluruh negara. Ini bermakna akan terdapat lebih cawangan syarikat broker selepas 2001. Dengan itu, tidak akan terdapat apa-apa kesan kepada akses para pelabur kepada perkhidmatan broker saham. Sebaliknya, adalah dijangkakan terdapat akses yang lebih luas berikutan pengguguran halangan untuk membuka cawangan.

P R E S S R E L E A S E S

Lebih daripada itu, pengurangan serentak kadar komisen akan memberikan insentif kepada aktiviti pembrokeran atas talian untuk berkembang, yang akan menawarkan satu kaedah tambahan yang efisien bagi mendapatkan akses perkhidmatan perantaraan Malaysia.

- **Apakah rasional bagi menghadkan pihak yang layak bagi memperoleh kepentingan dalam syarikat broker saham lain kepada syarikat broker saham yang sedia ada dan pemegang saham korporat yang mempunyai kawalan ke atas syarikat broker saham yang sedia ada?**

Objektifnya adalah bagi menggalakkan penggabungan oleh pemain sedia ada di kalangan industri broker saham. Ini akan memastikan bahawa, pada masa ini, penggabungan akan dilaksanakan hanya oleh pihak yang mempunyai pengalaman dan kemampuan pembrokeran saham yang berkaitan.

- **Adakah syarikat-syarikat broker saham yang telah memenuhi syarat kuantitatif modal berbayar minimum dan modal teras sebanyak RM250 juta, nisbah minimum CAR (Nisbah Kecukupan Modal) sebanyak 1.5 kali dikecualikan daripada keperluan untuk bergabung dengan sekurang-kurangnya tiga buah syarikat broker saham lain?**

Rangka kerja polisi tersebut adalah bertujuan mencapai penggabungan industri yang menyeluruh dan mengenal pasti satu kumpulan Broker Universal. Untuk menjadi sebuah Broker Universal, sesebuah entiti bukan hanya perlu mencapai tahap modal tertentu dan teguh tetapi juga melaksanakan penggabungan. Dengan itu, tiada pengecualian akan diberikan bagi keperluan untuk melaksanakan penggabungan (dengan sekurang-kurangnya tiga buah syarikat broker lain yang sedia ada) tanpa mengira modal yang sedia ada dan keteguhan sesebuah syarikat broker saham.

- **Apakah keputusan yang telah dibuat untuk menjadi asas penilaian syarikat broker saham yang terlibat dalam penggabungan ke atas NTA. Di samping itu, kenapakah penilaian maksimum telah ditetapkan pada 1.5 kali NTA dan bukannya membenarkan pihak yang terlibat untuk menentukannya?**

Penilaian berasaskan 1.5 kali NTA adalah asas yang wajar memandangkan satu penilaian yang konsisten akan digunakan bagi semua syarikat broker saham yang mengambil bahagian dalam pelaksanaan penggabungan di bawah rangka kerja tersebut. Sekiranya sesebuah penggabungan itu dilaksanakan melalui tukar ganti saham, pihak-pihak yang bergabung akan dinilai di atas dasar yang sama tanpa menjejaskan mana-mana pihak tertentu.

Apa yang perlu diingat ialah ini merupakan satu pelaksanaan bagi penggabungan dan bukan bagi mana-mana pihak untuk membuat penjualan. Sekiranya pemilik syarikat broker saham tertentu ingin membuat penjualan pada satu penilaian yang lebih tinggi, mereka boleh berbuat demikian selepas proses penggabungan.

P R E S S R E L E A S E S

- **Mengapakah penilaian bagi syarikat broker saham di bawah Skim Danaharta dibezakan daripada penilaian ke atas syarikat broker saham lain yang terlibat dalam pelaksanaan penggabungan di bawah rangka kerja tersebut?**

Skim Danaharta tersebut adalah berdasarkan mandat yang berlainan, iaitu, bagi memulihkan syarikat broker saham yang bermasalah dan telah dimulakan sebelum rangka kerja penggabungan ini diumumkan. Penilaian broker bermasalah tersebut adalah berasaskan jangkaan nilai yang boleh direalisasikan dan beberapa pertimbangan untuk membayar para pemiutang, mengikut cadangan penyelesaian yang disediakan dengan berpandukan garis panduan Danaharta. Oleh itu bagi memenuhi objektif skim tersebut, kos asal pemerolehan yang terlibat boleh difaktorkan dalam penilaian syarikat broker saham yang memperoleh bagi tujuan mana-mana penggabungan seterusnya di bawah rangka kerja ini. Ini adalah wajar kepada syarikat broker saham yang memperoleh. Jikalau tidak, kos pemerolehan akan dianggap sebagai suatu aset tidak ketara dalam rekod syarikat broker saham yang memperoleh.

- **Adakah syarikat broker saham yang telah menyempurnakan penggabungan sebelum pengumuman rangka kerja polisi penggabungan diberikan apa-apa pengiktirafan?**

Dasar-dasar yang terkandung dalam rangka kerja tersebut berkuat kuasa dari tarikh pengumuman pada 21 April 2000 dan tidak akan diguna pakai pada tarikh sebelumnya. Syarikat-syarikat broker saham yang telah pun melaksanakan penggabungan atau dalam proses berbuat demikian menikmati manfaat yang sama seperti yang diberikan kepada syarikat broker saham yang terlibat dalam rangka kerja ini, selagi kriteria berkaitan telah dipenuhi. Oleh itu, cadangan bertulis hendaklah dikemukakan kepada SC untuk dipertimbangkan.

- **Apakah penglibatan para jururunding dalam mewujudkan rangka kerja polisi ini dan pengurangan dalam kos transaksi?**

SC telah bekerja sama dengan para jururunding dan pakar berbagai bidang yang lain dalam merumus cadangan mengenai berbagai bidang dalam pasaran modal, termasuk industri broker saham, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan ke atas Pelan Induk Pasaran Modal. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan peringkat akhir adalah tertakluk kepada pengkajian semula dan rundingan terperinci bersama Kementerian Kewangan sebelum cadangan-cadangan tersebut diterima.

- **Bagaimanakah rangka kerja polisi penggabungan tersebut dan pengurangan kos transaksi disesuaikan dengan Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) yang diusahakan oleh SC?**

Langkah-langkah tersebut merupakan sebahagian daripada cadangan yang berkaitan dengan syarikat broker saham dalam CMP, yang mana bertujuan, antara lain, mewujudkan syarikat broker saham yang lebih kukuh dengan modal yang lebih banyak dan pengurangan kos pelaksanaan dalam industri broker saham. Sementara satu set penuh cadangan bagi pasaran modal akan dikemukakan dalam CMP, yang dijangka akan disiapkan pada

P R E S S R E L E A S E S

pertengahan tahun ini, cadangan-cadangan bagi industri broker saham ini telah diumumkan awal bagi memberikan pihak yang terlibat masa yang mencukupi bagi mematuhi jangka waktu yang telah ditetapkan.

- **Apakah saluran yang tersedia bagi syarikat broker saham untuk membangkitkan sebarang persoalan atau mendapatkan penjelasan mengenai rangka kerja polisi tersebut?**

SC telah meminta Persatuan Syarikat-Syarikat Broker Saham Malaysia (ASCM) untuk mengadakan satu jawatankuasa khas bagi pelaksanaan polisi penggabungan tersebut. Syarikat broker saham boleh mengemukakan sebarang persoalan atau mendapatkan penjelasan mengenai rangka kerja tersebut daripada SC melalui jawatankuasa khas ini.

SURUHANJAYA SEKURITI, MALAYSIA
15 Mei 2000